



BILANGAN 35 APA DAN APA-APA

PETIKAN 1




Penduduk Bali semuanya orang aman dan peramah. Sekarang **apa** akan jadi kepada mereka?

PETIKAN 2



Tempoh di mana peperiksaan berlangsung seperti sekarang ini sepatutnya hanyalah masa untuk memantapkan saja **apa** yang telah dipelajari.

PETIKAN 3



Sebaliknya, sentiasa berbincang dan beritahu beliau **apa** saja yang ingin anda lakukan supaya beliau rasa dirinya masih penting dalam hidup ini.

'**Apa**' sering digunakan orang sebagai kata ganti nama diri tanya, yakni digunakan untuk menanyakan nama benda atau binatang. Sekadar contoh, lihat petikan 1. Dan bagi menimbulkan ayat tanya, maka dibubuh orang dengan tanda tanya.

Sekarang perhatikan pula penggunaan '**apa**' dalam petikan 2, 3, dan 4.

'**Apa**' tidak digunakan untuk menanyakan sesuatu. Tidak ada tanda tanya bagi menimbulkan ayat tanya. Jadi, apakah jenis perkataan '**apa**' itu?

Sebenarnya perkataan '**apa**' dalam petikan kedua, ketiga, dan keempat itu seharusnya ditulis '**apa-apa**' untuk membentuk Kata Ganti Tak Tentu.

Dalam bahasa Melayu terdapat beberapa patah perkataan yang sedemikian, iaitu **apa-apa**, **siapa-siapa**, dan **mana-mana**, yang dibentuk daripada kata tanya (apa, siapa, dan mana) dan mengalami pergandaan. Ayat Contoh:

- 1) Saya tidak membeli **apa-apa** di pusat membeli-belah itu?
- 2) Dia tidak berkata **apa-apa** walaupun disoal beberapa kali.
- 3) **Mana-mana** yang kausuka, ambillah.
- 4) Saya duduk di sini sahaja. Saya tidak mahu ke **mana-mana**.
- 5) **Siapa-siapa** yang tidak menghantar tugas akan dirujukkan kepada guru pengawas.
- 6) Setelah diperiksa, polis tidak mendapati **siapa-siapa** pun di dalam rumah besar itu.

Ayat-ayat tersebut tidak akan baku sekiranya perkataan-perkataan berwarna merah itu tidak mengalami pergandaan, atau membentuk kata ganti tak tentu.


- 1a) Saya tidak membeli **apa** di pusat membeli-belah itu?
- 2a) Dia tidak berkata **apa** walaupun disoal beberapa kali.
- 3a) **Mana** yang kausuka, ambillah.
- 4a) Saya duduk di sini sahaja. Saya tidak mahu ke **mana**.

PETIKAN 4



Apa juga pengalaman dan kebolehan telah dicurahkan kepada **sesiapa** sahaja yang ingin mempelajarinya di Kuala Lumpur, khususnya.

PETIKAN 5



Bagi mereka yang tidak membuat salah, mungkin tidak akan merasakan **apa-apa**.

- 5a) **Siapa** yang tidak menghantar tugas akan dirujuk kepada guru pengawas.
- 6a) Setelah diperiksa, polis tidak mendapati **siapa** pun di dalam rumah besar itu.

Ada juga pengguna yang menyingkatkan pergandaan **siapa-siapa** kepada **sesiapa**. (Sila rujuk petikan 4)

Jadi, ayat dalam petikan 2, 3, dan 4, seharusnya ditulis begini:

- 7) Tempoh di mana peperiksaan berlangsung seperti sekarang ini sepatutnya hanyalah masa untuk memantapkan saja **apa-apa** yang telah dipelajari. (kesilapan lain tidak dinyatakan, hanya difokus kepada penggunaan apa-apa sahaja)
- 8) Sebaliknya, sentiasa berbincang dan beritahu beliau **apa-apa** saja yang ingin anda lakukan supaya beliau rasa dirinya masih penting dalam hidup ini.
- 9) **Apa-apa** juga pengalaman dan kebolehan telah dicurahkan kepada sesiapa sahaja yang ingin mempelajarinya di Kuala Lumpur, khususnya.

Cuba anda jelaskan, jika kata ganti tak tentu dalam petikan 5 tidak mengalami pergandaan?